

Headline	Menteri enggan campur tangan isu harumanis jatuh harga		
MediaTitle	Kosmo		
Date	15 Jun 2017	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	197,202
Page No	1,2	Readership	875,000
Language	Malay	ArticleSize	726 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 18,841
Frequency	Daily	PR Value	RM 56,523



Menteri enggan campur tangan isu harumanis jatuh harga

KEMENTERIAN Pertanian dan Industri Asas Tani tidak akan campur tangan dalam isu kejatuhan harga mempelam harumanis kerana tidak mahu ditafsir sebagai cubaan untuk mensabotaj pasaran buah itu yang dianggap eksklusif milik negeri Perlis.

Menterinya, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) sebelum ini pernah berusaha untuk membantu para petani harumanis di Perlis tetapi ia dianggap oleh sesetengah pihak di negeri itu sebagai cubaan untuk mensabotaj pasaran buah tersebut.

"FAMA cuba melakukan promosi menggunakan saluran online malangnya FAMA dihentam kerana buah tersebut dikatakan tidak patut dijual pada harga murah," katanya.

Beliau menambah, kementerian sedang menunggu laporan berhubung tindakan petani membakar buah harumanis sama ada bagi mengelakkan penyakit atau disebabkan pengusaha kecewa dengan kejatuhan harga buah itu.

» BERITA DI MUKA 2

Usaha FAMA untuk bantu para petani harumanis di Perlis pernah dianggap sebagai cubaan untuk mensabotaj pasaran buah tersebut



SHABERY menunjukkan mempelam harumanis selepas majlis pengagihan bubur lambuk kepada kakitangan dan asnaf di Walkway MOA di Putrajaya semalam.

Headline	Menteri enggan campur tangan isu harumanis jatuh harga		
MediaTitle	Kosmo		
Date	15 Jun 2017	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	197,202
Page No	1,2	Readership	875,000
Language	Malay	ArticleSize	726 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 18,841
Frequency	Daily	PR Value	RM 56,523

MOA serah kepada pengeluar dan pasaran tentukan harga buah eksklusif negeri Perlis

Kerajaan tak campur isu harumanis

Oleh JUNHAIRI ALYASA

PUTRAJAYA – Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) tidak akan campur tangan dalam isu kejatuhan harga harumanis kerana tidak mahu ditafsir sebagai cuba mensabotaj pasaran buah yang dianggap eksklusif milik negeri Perlis.

Menterinya, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata, usaha Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) untuk membantu para petani harumanis di Perlis pernah dianggap sebagai cubaan untuk mensabotaj pasaran buah tersebut.

“Jadi kementerian menyerahkan kepada kebijaksanaan pihak yang mengusahakan tanaman dan pasaran buah harumanis di Perlis dalam menentukan harga kerana mereka lebih mengetahui mengenai produk pertanian itu daripada pihak lain.

“Kalau ada pihak tertentu yang datang minta bantuan daripada kementerian, kita akan bantu tetapi pernah FAMA cuba promosi menggunakan saluran online malangnya agensi itu turut dihentam kerana buah tersebut dikatakan tidak patut dijual pada harga murah kepada pengguna,” kata beliau ketika ditemui selepas majlis pengagihan bubur lambuk kepada kakita-

ngan kementerian dan sumbangan kepada asnaf di Walkway MOA di sini semalam.

Menurut beliau, sejak insiden itu, kementerian tidak

lagi akan campur tangan mengenai harga buah harumanis kerana tidak mahu disalah anggap dalam hal produk keluaran yang dianggap sebagai eksklusif negeri Perlis.

Semalam *Kosmo!* melaporkan, terdapat perbuatan setengah pihak di Perlis yang cuba mengawal bisnes buah harumanis dengan menetapkan harga terlalu mahal dan ia telah menjadi punca buah tersebut gagal dipasarkan se-

cara meluas di Kuala Lumpur dan bandar-bandar utama lain di negara ini.

Lebih memburukkan keadaan, tindakan pihak-pihak tersebut telah menyebabkan berlakunya lambakan harumanis di negeri itu sehingga ada buah yang menjadi busuk di pokok dan terpaksa dibakar bagi mengelakkan penyakit menyerang tanaman.

Ahmad Shabery memberitahu, kementerian kini sedang menunggu laporan mengenai perbuatan membakar buah tersebut untuk mengetahui sama ada pembakaran itu melibatkan buah

tidak berkualiti, berpenyakit atau memang benar ada pengusaha yang kecewa kerana harga buah harumanis terlalu murah di pasaran pada bulan Ramadan.

“Kita tidak boleh ambil tindakan kerana perbuatan mem-

bakar harumanis ini adalah pilihan penanam itu sendiri.

ngan FAMA kerana tidak beli buah harumanis. FAMA tidak boleh beli harumanis pada harga mahal untuk dijual kerana tindakan itu melibatkan duit rakyat,” jelas beliau.

Justeru, beliau berkata, jika pihak-pihak tersebut ingin terus menikmati harga jualan buah harumanis yang kekal tinggi, mereka perlu memasarkan sendiri buah tersebut tanpa melalui orang tengah atau pendorong.

“Kalau mahu jual di luar negeri Perlis, mereka terpaksa bersaing dengan buah mangga import dari Thailand, India atau Pakistan yang kualiti buah-buah tersebut juga terbaik di dunia tetapi dijual pada harga yang lebih rendah atau separuh daripada harga buah harumanis,” katanya.

“Ada juga yang maran de-

Headline	Menteri enggan campur tangan isu harumanis jatuh harga		
MediaTitle	Kosmo		
Date	15 Jun 2017	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	197,202
Page No	1,2	Readership	875,000
Language	Malay	ArticleSize	726 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 18,841
Frequency	Daily	PR Value	RM 56,523



AHMAD SHABERY (tiga dari kanan) mengisi bubur lambuk ke dalam bekas untuk diagihkan kepada kakitangan MOA di Putrajaya semalam.



HARUMANIS mengalami penurunan harga mendadak selepas buah tersebut gagal dipasarkan secara meluas di luar Perlis. *

